

Kerajaan benarkan keluarga melawat Nur 'Misuari

UM 27 DEC 2001

KUALA LUMPUR 26 Dis. — Kerajaan akan membenarkan keluarga bekas Gabenor Wilayah Autonomi Islam Mindanao, Nur Misuari, melawatnya.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata: "Saya membaca dalam akhbar hari ini bahawa keluarganya berada di sini. Saya tidak nampak kenapa mereka tidak boleh berjumpa dengannya kerana dia bukan banduan dalam erti kata sebenarnya.

"Dia hanya tidak mempunyai dokumen perjalanan

dan seperti yang kita tahu, pendatang tanpa izin ditahan oleh kerajaan dan tempoh berapa lama (dia akan ditahan di sini) tidak ditetapkan."

Dr. Mahathir berkata demikian kepada pemberita selepas rakaman perutusan Tahun Baru untuk RTM di pejabatnya di sini, hari ini.

Sementara itu, Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar ketika dihubungi pula berkata, pemimpin Barisan Pembebasan Kebangsaan Moro (MNLF) itu akan dibenarkan berte-

mulung dengan keluarganya minggu ini.

Beliau mengulas permintaan isteri Misuari, Tarhata Misuari melalui peguamnya yang meminta kerajaan Malaysia membenarkannya menemui suaminya.

Tarhata, 27, bersama tiga orang anaknya kini berada di sebuah hotel di sini.

Misuari, 60, ditahan oleh polis Malaysia pada 24 November apabila memasuki negara ini melalui Pulau Jampiras berdekatan Sandakan, Sabah.